

11/25/21, 5:18 PM

Cukai Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat - Majalah Labur

Cukai

Cukai Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat



Majalah Labur

2 hours ago



Sumber : [Harian Metro](#)




Cukai ialah suatu yang tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan kita, pentabiran negara dan ekonomi. Hasil cukai ini digunakan oleh Kerajaan untuk mentadbir dan mengurus serta menampung perbelanjaan membangunkan negara.



IO REPORT

ge cost in lost productivity due to BizDevOps
ig to search for causes and solutions to problems



Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebagai agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan mengutip cukai langsung, saban tahun mengadakan pelbagai kempen dan peringatan kepada pembayar cukai supaya menunaikan tanggungjawab mereka untuk menghantar Borang Nyata sama ada secara manual atau dalam talian melalui e-Filing dan membayar cukai yang sepatutnya.

Jutaan ringgit juga dibelanjakan oleh LHDNM untuk pengiklanan, kempen, wawancara di stesen TV dan radio demi memberi kesedaran dan peringatan kepada rakyat tentang kepentingan cukai kepada pembangunan negara. Namun, masih ramai lagi yang masih belum memahami dan culas membayar cukai mereka. Pembangunan sebuah negara di dunia termasuk Malaysia sebahagian besarnya dibiayai oleh hasil cukai.

Di Malaysia, terdapat dua jenis cukai iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dikendalikan oleh agensi yang berlainan selain daripada cukai yang dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Tempatan seperti cukai tanah, cukai pintu dan lain-lain. Peranan dua agensi utama kerajaan iaitu LHDNM bagi mengutip cukai langsung manakala Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pula mengutip cukai tidak langsung.

Kedua-dua agensi ini bertungkus lumus memastikan hasil kerajaan dapat dikutip dengan lebih efektif bagi menampung perbelanjaan kerajaan iaitu perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Cukai langsung merupakan penyumbang tertinggi iaitu lebih daripada 40% jumlah keseluruhan hasil kerajaan. Hasil cukai langsung ini terdiri daripada kutipan hasil kerajaan tertinggi daripada cukai pendapatan syarikat (CITA), cukai pendapatan individu dan seterusnya cukai pendapatan petroleum (PITA).

Jika individu patuh membayar cukai, negara dapat mengelak daripada menjadi muflis akibat daripada bebanan hutang daripada bank dunia, IMF atau kerajaan negara lain.



IO REPORT

ge cost in lost productivity due to BizDevOps
ig to search for causes and solutions to problems



klinik, kemudahan pasar, masjid, balai polis, taman dan kawalan trafik seperti lampu isyarat serta pelbagai lagi.

Cuba kita bayangkan di manakah kita sekarang, jika kerajaan mengabaikan tanggungjawab ini?

Jenis-jenis cukai



Kesemua kemudahan ini sebahagian besar dibiayai oleh hasil cukai. Secara ringkasnya, cukai ialah kunci kepada pentadbiran negara yang berkesan dan kita tidak akan dapat lari daripadanya.



IO REPORT

High cost in lost productivity due to BizDevOps
 trying to search for causes and solutions to problems



Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan LHDNM berganding bahu mencari sumber baharu cukai bagi menampung keperluan ini. Jika individu gagal dan mengelak membayar cukai adalah sukar bagi kerajaan menyediakan kemudahan dan pembangunan yang diperlukan rakyat.

Dalam keadaan Covid-19 ini, kerajaan perlu menampung lebih perbelanjaan untuk membantu rakyat yang terkesan melalui program Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Geran Khas Prihatin (GKP), pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMA) semata-mata untuk memastikan nasib rakyat terbelat dan aktiviti ekonomi terus berkembang.

Selain daripada itu, Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) untuk disalurkan kepada golongan B40 dan B20 yang amat terkesan terutama dalam keadaan pandemik ini. Begitu juga Program Jaringan PRIHATIN bertujuan mengurangkan beban kewangan golongan B40 mendapatkan kemudahan internet.

Jika dilihat dari segi kadar cukai individu di Malaysia, ianya masih rendah iaitu pada 30% berbanding dengan negara lain di dunia. Antara negara Asean lain, hanya Singapura yang lebih rendah iaitu 22% manakala Vietnam, Filipina dan Thailand pada kadar 35%.

Kesemua negara maju, kadar cukainya melebihi 40% seperti United Kingdom 45%, Sweden 52.85%, Luxembourg 45.78%, dan Netherland 49%. Kadar cukai yang tinggi ini adalah bagi memastikan kerajaan masing-masing cukup untuk menampung kos pembangunan dan menjamin nasib rakyatnya terbelat.

Selain itu, ia bagi memastikan rakyat menjalani kehidupan yang selesa dan memiliki taraf kehidupan yang lebih tinggi. Rakyat mendapat kemudahan asas lain seperti pendidikan, perubatan secara percuma dan berkualiti.

Perbandingan Kadar Cukai Negara Eropah (Negara Maju)

Eropah	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Perancis	41	45	45	45	22.5	22.5	49	49	45	45	45
Switzerland	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40
Sweden	56.55	56.6	57	57	57	57.1	57.12	57.34	57.19	32.28	52.85
Norway	47.8	47.8	47.8	47.8	47.2	46.9	46.72	46.6	38.2	38.2	38.2
United Kingdom	50	50	45	45	45	45	45	45	45	45	45
Netherlands	52	52	52	52	52	52	52	51.95	51.75	49.5	49.5
Luxembourg	42	41.34	41.34	41.34	43.6	44	48.78	45.78	45.78	45.78	45.78
Ireland	48	48	48	48	48	48	48	48	48	48	48
Jerman	45	45	45	45	45	45	45	45	45	45	45
Austria	50	50	50	50	50	55	55	55	55	55	55

Sumber: [Home.Kpmg](#)



IO REPORT

ge cost in lost productivity due to BizDevOps
ig to search for causes and solutions to problems



melebihi RM34,000.

Rumusan

Hasil cukai tidak boleh membiayai belanjawan kerajaan sepenuhnya apatah lagi jika rakyat gagal membayar cukai yang sepatutnya. Oleh itu, kerajaan terpaksa meminjam untuk membiayai defisit belanjawan ini. Pada tahun 2021, jumlah pinjaman akan menjangkau 26.5% (RM85 bilion) daripada sumber kewangan kerajaan.

Jika individu patuh membayar cukai, kita dapat mengelakkan negara menjadi mufliis akibat daripada bebanan hutang daripada bank dunia, IMF atau kerajaan negara lain. Pembayar cukai individu khususnya perlu ada rasa tanggungjawab dan menekankan konsep menyumbang dalam diri masing-masing iaitu apa diberi akan mendapat manfaat dan dinikmati semula di masa depan.

Justeru, bukan semata-mata memenuhi tuntutan undang-undang cukai semata-mata, sebaliknya menanamkan kesedaran dan berkerjasama dengan kerajaan untuk membangunkan negara demi kesejahteraan kehidupan bersama.

Nota: Artikel ini disumbangkan oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.